

24 JUL 1999

Mustapa-Kelantan

PAS HALANG PEMBANGUNAN DI KELANTAN, KATA MUSTAPA

JELI, 24 Julai (Bernama) -- Hasrat utama Umno untuk merampas tampuk pemerintahan kerajaan Kelantan daripada PAS ialah bagi memastikan proses pembangunan dan usaha memajukan negeri itu berjalan lancar tanpa sebarang halangan.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata pada masa ini kerajaan pusat sukar menyempurnakan setiap program pembangunan yang dirancang di Kelantan kerana dihalang oleh pemimpin parti itu.

"Kita semua tahu semasa PAS memerintah di Kelantan, tanah merupakan isu yang besar hingga beberapa projek (oleh kerajaan pusat) di peringkat awal dahulu tidak dapat dilaksanakan...kalau dapat dilaksanakan pun mengambil masa yang lama," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau meminta rakyat supaya tidak terpengaruh dengan dakwah PAS bahawa Umno tidak perlu memerintah Kelantan kerana kononnya Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan dan menteri-menteri pusat dari Kelantan tetap ada untuk membangunkan negeri itu.

Mustapa, yang juga Anggota Parlimen Jeli, berkata sekiranya Umno dapat memerintah Kelantan, segala perancangan pembangunan dapat dilaksanakan secara menyeluruh bagi faedah rakyat.

"Memang saya, Datuk Annuar Musa (Menteri Pembangunan Luar Bandar) dan lain-lain berusaha bersungguh-sungguh bagi membawa pembangunan tetapi tetap menghadapi banyak rintangan dan halangan," katanya.

Beliau berkata ekoran daripada lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama dua hari yang berakhir semalam, didapati telah ada perubahan di kalangan rakyat di negeri itu.

"Rakyat seperti sudah tidak sabar menunggu masa untuk untuk mengambil kembali Kelantan daripada PAS," katanya.

Bagaimanapun, katanya, jentera pilihan raya Umno dan Barisan Nasional perlu bekerja keras bagi memastikan "semangat baru" yang wujud sekarang turut dirasakan oleh semua pihak khususnya anggota bawahan.

Mustapa juga yakin tindakan PAS menyebarkan fitnah mengenai Umno dan pemimpin tidak akan berhasil mempengaruhi rakyat kerana akhirnya kebenaran akan diketahui oleh semua.

"Rakyat akan menilai sendiri apa yang benar dan saya yakin mereka boleh membuat penelitian," katanya.

Beliau juga berkata ekoran beberapa perkembangan khususnya cadangan kerjasama antara PAS dan DAP, penyokong parti itu kini mula "muak" dengan sikap pemimpin PAS.

"Mereka rasa terpedaya dengan isu kafir mengkafir yang dibawa PAS dahulu dan ada juga yang dah keluar parti," katanya.

Terdahulu, Mustapa menyampaikan bantuan biasiswa sebanyak RM192,000 kepada 715 pelajar dari 33 sekolah rendah dan menengah di kawasan Jeli.

Bantuan biasiswa itu yang disumbangkan oleh Yayasan Jeli dan Bakti diberikan sejak 1995. Setiap pelajar yang layak diberikan bantuan antara RM20 dan RM25 sebulan.

-- BERNAMA

RAR MAI